

DALAM MAHKAMAH SESYEN JOHOR BAHRU

DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

WRIT SAMAN NO – JA-A53KJ-72-01/2021

ANTARA

GUNASEGARAN A/L GOVINDAN

[Identity Card No.: 890315085297]

[KULDIP & CO.]

...PLAINTIF

DAN

1. LOW LI XIN

[Identity Card No.: 990622015692]

2. LOW TENG YI

[Identity Card No.: 971011145961]

[LOVELACE & HASTINGS]

...DEFENDAN

ALASAN PENGHAKIMAN

(SELEPAS BICARA PENUH DENGAN SAKSI)

LATARBELAKANG KES

[1] Ini adalah Rayuan Perayu/Plaintif di Lampiran 29 terhadap keputusan Mahkamah ini bertarikh 9/3/2023 atas isu liabiliti sahaja.

[2] Tiada rayuan balas difailkan oleh pihak Defendan/Responden.



[3] Tiada rayuan atas kuantum oleh mana-mana pihak.

KEPUTUSAN MAHKAMAH.

A - LIABILITI

Setelah meneliti ikatan pliding, keterangan saksi –saksi, eksibit-eksibit, hujahan dan otoriti kedua-dua pihak, atasimbangan kebarangkalian, Mahkamah menolak tuntutan Plaintiff dengan kos. Plaintiff gagal membuktikan kecuaiian Defendan-Defendan dalam kemalangan ini.

ALASAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

[1] Plaintiff memplidkan dalam Penyataan Tuntutan bahawa pada 14/5/2020, jam lebihkurang 1:30 petang, Plaintiff sedang menunggang motorsikal No. Pendaftaran JRL 9052 dari Gelang Patah menghala ke Bukit Indah bagi membuat penghantaran makanan Food Panda dan apabila sampai di/atau berhampiran Jalan Bukit Indah, Johor Plaintiff meneruskan perjalanan di laluan yang sah apabila apabila Defendan Pertama yang memandu motorkar No. Pendaftaran SMS 1826 sebagai pengkhidmat atau ejen Defendan Kedua dari arah perjalanan yang sama dengan Plaintiff telah dengan tiba-tiba dan begitu cuai melanggar motorsikal No Pendaftaran JRL 9052 dan Plaintiff dari



arah belakang sehingga mengakibatkan kemalangan tersebut berlaku.

[2] Defendan dalam pembelaan mereka pula memplidkan bahawa selain dari wujudnya kemalangan antara motorsikal Plaintiff dan Motorkar Defendan, kemalangan berlaku adalah akibat kecuaiian Plaintiff sendiri seperti butir-butir kecuaiian yang dinyatakan antara lain bahawa Plaintiff gagal memberi perhatian yang baik, menunggang dengan kelajuan melampau, gagal melihat motorkar Defendan, gagal menggunakan budibicara kepada pengguna jalanraya yang lain, keluar daripada persimpangan U ke jalan utama apabila keadaan tidak selamat, menceroboh masuk laluan sah Defendan dan seterusnya.

[3] Bagi isu kecuaiian (liabiliti) saksi-saksi dipanggil adalah seperti berikut:

a) SP1 – Pegawai Penyiasat

b) SP3 – Plaintiff

c) SD1 – Defendan Pertama

[4] Beban membuktikan apa yang diplidkan ada perlu dirujuk kepada **SEKSYEN 101 AKTA KETERANGAN 1950** yang menyatakan seperti berikut:



"(1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang, dengan bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan fakta itu wujud.

(2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu."

- [5] Prinsip seksyen 101 Akta Keterangan 1950 dihuraikan dengan jelas oleh Viscount Dunedin dalam kes ***ROBINS V. NATIONAL TRUST CO [1927] AC 505*** di muka surat 510:

"Onus is always on a person who asserts a proposition or a fact which is not self-evident. To assert that a man who is alive was born requires no proof. The onus is not on the person making the assertion, because it is self-evident that he had been born. But to assert that he was born on a certain date, if the date is material requires proof, the onus is on the person making the assertions."

- [6] Prinsip ini digunapakai dan perlu dibuktikan selaras dengan kes-kes yang telah diputuskan Mahkamah atas sebelum ini. Mahkamah ini merujuk kes ***HUSSAINA RANI NAINA MOHAMED V. AHMAD***



NADZRI KAMARUDDIN & ANOR [1997] 3 CLJ 500 yang memutuskan:

"Beban membuktikan kecuiaan di pihak defendan adalah terletak pada Plaintiff, di mana beliau gagal untuk membuktikan sama ada melalui keterangannya yang tersendiri atau melalui pemeriksaan balas Defendan atau melalui pengakuan yang dibuat oleh defendan, maka tuntutananya gagal."

- [7] Dalam kes **NG CHUA SIA V. MAIMON BT ALI [1982] 1 LNS 95** pula, dinyatakan bahawa:

"In an action for negligence" the onus of proving the allegation of negligence rests on the person who makes it unless there are disclosed facts which raise a presumption in favour of the plaintiff.

The plaintiff must show affirmatively that there has been a **breach of a specific or general duty** by the defendant and this resulted in the damage to the plaintiff. If he fails to prove this the action must fail."

- [8] Manakala dalam kes **R V. MATHESAN [1958] 1 WLR 474**, Lord Goddard CJ memutuskan:

"The evidential burden is of the referred to as the burden of adducing" evidence. It imposes upon a party to adduce sufficient



evidence of fact in order to justify a finding of fact in his favour. The evidential burden is said to be discharged when there is sufficient evidence to justify a favourable finding by a trier of fact. **It is only when a party discharges the evidential burden in relation to a particular fact, namely negligence as in the instant case,** his adversary will be obliged to adduce counter evidence for the trier of fact to consider and if convinced to find in his favour.

[9] Apa yang nyata, dalam pliding Plaintiff, Plaintiff mendakwa kemalangan berlaku akibat kecuaiian Defendan Pertama semasa memandu motorkar SMS 1826 dan apa yang Mahkamah lihat ketara adalah Plaintiff mendakwa dan memplidkan bahawa Defendan Pertama melanggar Plaintiff dari arah belakang.

[10] Mahkamah merujuk kepada keterangan-keterangan yang ada seperti berikut:

Keterangan SP1 (pegawai Penyiasat)

- a) SP1 sampai ditempat kemalangan keesokan hari (15/5/2020) (sehari selepas kemalangan – 14/5/2020), pada ketika itu kenderaan sudah tiada di tempat kejadian.
- b) SP1 lukis Rajah Kasar Kunci (P1), mengeluarkan keputusan kes RTM (P2) dan ada ambil 4 keping gambar (P3) iaitu gambar lokasi



kemalangan, gambar kedua-dua kenderaan tidak diambil kerana tidak dibawa ke balai.

- c) Menurut SP1 kes di klasifikasikan sebagai RTM kerana ada 2 versi kemalangan yang berbeza.
- d) Tiada sisa atau kesan kemalangan di tempat kejadian, tiada CCTV.
- e) Semasa pemeriksaan balas, SP1 sahkan bahawa beliau tidak memeriksa sendiri kerosakan kedua-dua kenderaan dan hanya berpandukan kepada gambar yang diberikan oleh pengadu/pemandu motorkar dari dalam telefon.
- f) Kerosakan yang dinyatakan dalam Penyata saksi nombor 11 adalah berdasarkan laporan polis kedua-dua pihak.
- g) Semasa pemeriksaan balas juga, SP1 setuju beliau tidak dapat pastikan arah sebenar motorsikal Plaintiff semasa kejadian. Walaubagaimanapun, semasa dicadangkan oleh pihak Defendan SP1 setuju bahawa jika pemandu motorkar Defendan bergerak terus, motorsikal Plaintiff U-turn akan langgar bumper kanan motorkar, ia adalah konsisten.
- h) Semasa pemeriksaan balas juga SP1 setuju bahawa jika motorkar Defendan langgar belakang motorsikal Plaintiff, akan ada kerosakan belakang pada motorsikal.
- i) SP1 kemudiannya bersetuju bahawa mengikut laporan polis Plaintiff motorsikal beliau “total lost” tetapi jika dibandingkan dengan gambar



di tempat kejadian yang dikemukakan oleh Defendan di Ikatan F, kerosakan motorsikal bukan “total lost” dan setuju terdapat kerosakan “side mirror” kiri, “fork” depan bengkok (rosak depan), motorsikal dalam gambar masih dalam keadaan berdiri, tayar belakang baik, nombor plate masih dalam boleh kelihatan dan dalam keadaan sempurna.

- j) SP1 juga setuju berdasarkan gambar, motorkar rosak pintu pemandu kanan, dentuman ke dalam dan calar.
- k) Semasa pemeriksaan semula, SP1 menjelaskan semasa disoal semula “Kalau kamu setuju versi Defendan, kenapa kamu tidak saman Defendan? Sebab tidak boleh buat keputusan, tidak dapat tengok keadaan kenderaan. Ini konsisten dengan keterangan SP1 semasa pemeriksaan balas bahawa “Kes RTM – salah satu faktor untuk tentukan versi kemalangan adalah kerosakan kenderaan? Tidak setuju. Kesan kerosakan semata tidak dapat tentukan, perlukan saksi.”
- l) Semasa pemeriksaan semula pula, SP1 nyatakan apabila ditunjuk gambar dalam ikatan F, beliau setuju beliau tidak dapat sahkan itu motorsikal Plaintiff.



Keterangan Plaintiff (SP3)

- a) SP1 ada membuat laporan polis (P8) hampir 1 bulan selepas kemalangan (kemalangan pada 14/5/2020, laporan polis pada 7/6/2020).
- b) Dalam laporan polis dan keterangan di Mahkamah, SP3 menegaskan bahawa semasa SP3 meneruskan perjalanan di laluan sah beliau, secara tiba-tiba dan laju tanpa sebarang isyarat dan amaran, motorkar Defendan melanggar motorsikal SP3 dari arah belakang kiri.
- c) SP3 tandakan "X" sebagai tempat kemalangan dalam Rajah Kasar Kunci. SP3 memberi keterangan bahawa motorkar Defendan bergerak dari arah yang sama iaitu dari bawah ke atas Rajah Kasar Kunci.
- d) Semasa pemeriksaan balas, SP3 setuju memandangkan motorkar dari arah belakang beliau, SP3 tidak dapat tahu kereta datang datang dengan laju langgar dari arah belakang kiri.
- e) Semasa dicadangkan bahawa tandaan "X"- sebelum kemalangan SP3 datang dari arah mana, beliau kata dari sebelah kanan jalan dan tidak bersetuju dengan cadangan Defendan bahawa beliau sebenarnya dari arah atas turun ke bawah dan membuat U-turn.



- f) SP3 setuju dengan cadangan bahawa jika tunggang motorsikal sepatutnya bawa sebelah kiri jalan kebiasaannya. SP3 tidak setuju dengan cadangan memandangkan tandaan “X”, SP3 bukan bergerak terus tapi buat U-turn.
- g) SP3 setuju motorsikal tidak pernah dibawa ke balai untuk diperiksa, gambar dalam telefon juga tidak ditunjukkan kepada SP1 dan gambar-gambar motorsikal sudah tidak disimpan.
- h) Semasa ditunjukkan gambar motorsikal di muksurat 3 Ikatan F, SP3 setuju dan sahkan itu motorsikal beliau dan dalam keadaan berdiri. SP3 juga setuju apabila dirujuk gambar motorkar Defendan, pintu sebelah driver kemek. SP3 tidak pasti bagaimana bahagian pintu pemandu kanan boleh rosak dan setuju jika bahagian hadapan motorkar langgar belakang motorsikal, tidak mungkin pintu kereta rosak.
- i) SP3 maklumkan kawan dan isterinya memberitahu bahawa bahagian hadapan motorkar ada rosak tapi SP3 tidak ada bukti atau gambar.
- j) Semasa pemeriksaan semula, SP3 menjelaskan bahawa motorsikal beliau “total lost” kerana “bahagian depan nampak macam ok- body bengkok, enjin pecah, chasis sudah bengkok – sebab dilanggar dari belakang, motorsikal sudah pergi jauh...”



Keterangan SD1

- a) SD1 ada membuat laporan polis D4 pada hari sama kemalangan kira-kira 4 jam selepas kemalangan.
- b) SD1 ada ambil gambar di tempat kemalangan dan ditandakan sebagai D10 (A – G).
- c) Dalam laporan polis dan keterangan di Mahkamah, SD1 sahkan bahawa "...motorsikal Plaintiff buat u-turn, mula-mula langgar bahagian pintu driver, dia gesel kereta saya, bahagian depan rosak sebab dia gesel sampai ke depan."
- d) SD1 juga dalam keterangan menjelaskan bahawa jika merujuk Rajah Kasar Kunci, kereta sampai sebelum U-turn, baru motorsikal keluar.
- e) Semasa pemeriksaan balas, SD1 nyatakan pada hari kemalangan kenderaan tidak banyak, kelajuan dalam 50kmj – 60kmj dan SD1 setuju tandaan "X" adalah tempat kemalangan.
- f) Semasa Pemeriksaan balas juga, apabila peguam Plaintiff mencadangkan jika betul Plaintiff u-turn dan langgar tepi kereta Defendan, kemalangan bukan di "X" tetapi ia akan betul-betul ditempat u-turn, SD1 tidak setuju dan sebelum itu beliau nyatakan "X" adalah tempat Plaintiff jatuh selepas kemalangan.



- g) SD1 kereta beliau ada di belakang motorsikal Plaintiff, SD1 sudah berada di kaasan tersebut dan Plaintiff terus keluar, tidak tengok belakang. Semasa SD1 sampai di tempat u-turn, SD1 nampak motorsikal, dia di tempat u-turn dan terus keluar.
- h) SD1 tidak setuju walaupun laporan polis tidak menyatakan motorsikal keluar u-turn dari mana (kiri atau depan), laporannya mungkin tidak lengkap tapi tidak setuju ia tidak betul.
- i) SD1 beri keterangan bahawa selepas kejadian, Defendan cuba membrek dan berhenti di tepi jalan.
- j) Semasa Pemeriksaan semula, SD1 sahkan bahawa motorsikal Plaintiff tidak pada bila-bila masa ada di hadapan motorkarnya. Kemalangan berlaku apabila Plaintiff mengesel motorkar SD1 di depan "X" dan kemalangan berlaku di tepi sedikit, sebelum "X".

Gambar kemalangan

- a) SP1 ada ambil 4 keping gambar di tempat kejadian.
- b) SD1 ada ambil gambar sejurus selepas kemalangan.
- c) Kerosakan kenderaan tidak dapat dipastikan secara fizikal oleh SP1 dan hanya berdasarkan gambar-gambar, laporan polis dan keterangan kedua-dua pihak.



[11] Daripada keterangan dan bukti yang dikemukakan, terdapat percanggahan antara versi Plaintiff dan Defendan. Memandangkan terdapat percanggahan versi Plaintiff dan versi Defendan tentang bagaimana berlakunya kemalangan, Mahkamah perlu meneliti keterangan senyap seperti rajah kasar tempat kejadian, gambar tempat kejadian dan kerosakan kenderaan yang terlibat dalam kemalangan bagi menentukan liabiliti dalam kes ini.

[12] Mahkamah merujuk kes **LEE EWE TEIK v. ARIFFIN HUSSAIN [1990] 2 CLJ Rep 332** yang mana adalah diputuskan:

“The plaintiff rider's version was that at about 6. p.m. on that day he was proceeding in the direction of Butterworth in a perfectly normal manner, keeping close to the left edge of the road, when he was struck from the rear by the driver who was also proceeding in the same direction. On the other hand, the driver's version was that the collision occurred at about 8 p.m. whilst the motor lorry and the motor cycle were proceeding in opposite directions; in particular, the motor lorry was proceeding to Butterworth, when the motor cycle which was coming from the opposite direction emerged from behind another motor lorry, which it was overtaking, thus encroaching into the path of the driver and giving the latter no reasonable opportunity of avoiding the collision.



“In such a situation where the plaintiff rider and the driver have given two diametrically opposite versions as to how the collision occurred, the photographs, plan and measurements of the scene, and the nature of the damage to each vehicle must provide the most reliable guide by which their versions can be tested. (See San Seong Choy & Ors. V. Yuson Bien [1962] 1 LNS 181, per Ismail Khan J (as he then was)).

In this case, the damage to the vehicles as evidenced by the photographs taken by the police on the day of the collision was, in my view, most material.

The photograph, Exh. P1C, shows that the front wheel of the motor cycle was badly damaged. By comparison such damages as there was to the rear wheel of the motor cycle was negligible if at all. The photograph, Exh.P 1D, shows that the front off side mudguard of the motor lorry was slightly damaged.

In my opinion, the evidence of the damage to the motor cycle and the motor lorry is consistent with the driver's version of the collision but quite inconsistent with plaintiff rider's version. If the plaintiff rider's version were true, I would have expected the rear wheel of the motor cycle to have been significantly damaged.”



[13] Dalam kes **TABARANI MOHD ARSAD & ANOR v. CHAN TENN YEU** [1999] 3 CLJ 188 yang memutuskan:

“There were two versions of the accident. One version came from the respondent plaintiff himself while the other version was that of the first appellant defendant. The trial court fell in error when it approached the case solely on the basis of deciding which story to be believed. When confronted with two conflicting versions, the duty of the trial court was to consider which version was inherently probable or improbable. The trial court should have been more meticulous and considered other probable versions provided they were within the scope and ambit of the pleadings and supportable by admissible evidence including the neutral ones. This approach provides a wide leverage for the trial court to manoeuvre bearing in mind, always, the testimony of the credible witnesses. Spenser Wilkinson J castigated the magistrate in *Koay Teik Choo & Ors v. Reg* [1955] 1 LNS 42; [1956] 22 MLJ 52, for approaching the case upon the basis of which of the two conflicting stories he should believe. His Lordship remarked at p. 53 of the report that:

One of the dangers of this approach is that it leaves entirely out of account the possibility (which in my opinion existed in a very high



degree in the present case) that what has really been proved is something between the two stories.

In Noorianti bt Zainol Abidin (F) & 8 Others v. Tang Lei Nge & Tang Lye Chang [1990] 2 CLJ Rep 545; [1990] 1 CLJ 943, Lim Beng Choon J had occasion to say that the trial judge should not approach the case on the basis of deciding which story out of the conflicting stories that should be believed, but rather to consider which version was inherently probable or improbable. All things being equal, it is trite law that if the version of one of the parties is inherently probable, then the judge has no choice but to accept that version forthwith (Chua Chong Cher v. Teo Lang Keow & Ors [1970] 1 LNS 18)."

[14] Oleh demikian, berpandukan prinsip dalam kes-kes yang dirujuk, Mahkamah ini perlu membuat pertimbangan yang lebih teliti dan tidak semata-mata bersandar kepada keterangan kedua-dua pihak semata. Penelitian harus terarah kepada bukti senyap yang lain untuk menentukan versi siapa yang lebih munasabah (probable) apabila berdepan dengan 2 versi yang berbeza.

[15] Mahkamah dapati bahawa gambar-gambar yang dirujuk adalah bukti sahih dan tidak dapat dipertikaikan. Ia dirakam sejeurus selepas kemalangan dan keadaan masih seperti asal seperti kedudukan mangsa (Plaintiff), kedudukan motorsikal dan motorkar Defendan,



lakaran tempat kejadian (Rajah Kasar Kunci) sama seperti dalam gambar.

- [16] Apa yang jelas dalam gambar adalah keterangan SP3 berhubung keadaan motorsikalnya yang dikatakan “total lost” adalah tidak konsisten dengan gambar. Walaupun SP3 menyatakan dia tidak pasti itu motorsikal beliau dalam gambar, nombor plate motorsikal jelas menunjukkan itu adalah motorsikal beliau.
- [17] Kerosakan motorsikal jika secara logik dilanggar dari arah belakang, kemungkinan komponen motorsikal pecah adalah tinggi, paling kurang nombor plate mungkin akan pecah atau tertanggal memandangkan ia diperbuat daripada plastik atau satu objek nipis. Dalam kes ini, nombor plate dan bahagian belakang tidak ada apa-apa kerosakan.
- [18] Keterangan SP3 bahawa motorsikalnya “total lost” juga adalah tidak benar. SP3 sendiri setuju motorsikal masih dapat berdiri dengan elok selepas kemalangan.
- [19] Dalam masa yang sama, SP3 setuju ada kerosakan pada cermin sisi kiri (side mirror) motorsikal. Ini adalah konsisten dengan keterangan SP1, SD1 dan juga keadaan kerosakan kereta iaitu di bahagian pintu hadapan pemandu – kesan geseran oleh motorsikal Plaintiff dan membawa ke bahagian hadapan.



- [20] Penjelasan SD1 bahawa bahagian hadapan ada rosak bukan akibat perlanggaran secara langsung dibahagian hadapan. Ia adalah kerana motorsikal Plaintiff bergesel di bahagian pintu kanan pemandu dan terus membawa ke bahagian hadapan. Bahagian hadapan yang terjejas adalah bonet sebagaimana laporan polis Defendan Keempat dan Defendan Kelima "...kerosakan motorkar saya dibahagian depan kanan bumper, panel, sarong bonet, mudguard..." Komponen-komponen ini rosak adalah konsisten dengan fakta bahawa motrsikal Plaintiff bergesel dan membawa ke hadapan kereta sebelum Plaintiff jatuh.
- [21] Kesan geseran motorsikal Plaintiff di pintu pemandu dapat dilihat dengan jelas daripada gambar di mukasurat 5 Ikatan F.
- [22] Daripada gambar juga dapat dilihat bahawa kemalangan berlaku dekat dengan tempat pusingan U. Jika dilihat gambar mukasurat 1 dan 2 Ikatan E dan mukasurat 1 dan 4 Ikatan F, jelas bahawa kemalangan adalah konsisten dengan versi Defendan iaitu sejurus keluar pusingan U, kemalangan berlaku.
- [23] Jika Plaintiff menunggu sehingga keadaan selamat dan baru membuat pusingan U, kemalangan tidak akan berlaku.



- [24] Keterangan SP3 menyatakan bahawa “X” adalah tempat kemalangan tetapi SD1 kata “X” adalah tempat Plaintiff jatuh iaitu pergeseran/impak berlaku sebelum “X” iaitu di tempat U-turn.
- [25] Jika dilihat gambar juga jelas apabila kemalangan berlaku, SD1 berhenti tidak jauh dari tempat kejadian (lihat gambar mukasurat 2 Ikatan E dan Muksurat 4 Ikatan F). SD1 sahkan kereta hitam di kiri jalan adalah motorkar Defendan diparkir selepas kemalangan.
- [25] Jika dibanding dengan versi Plaintiff bahawa beliau di laluan sah dan dalam perjalanan terus dari bawah ke atas, SP3 sendiri setuju dengan cadangan peguam Defendan bahawa sepatutnya untuk jalan terus, bagi sebuah motorsikal harus menunggang lebih ke kiri jalan.
- [26] Dalam Rajah Kasar Kunci yang dilukis oleh SP1 serta gambar tempat kemalangan, jalanraya adalah luas/lebar. Adalah lebih selamat untuk Plaintiff menunggang lebih ke kiri jalan untuk bergerak terus. Ini diakui sendiri oleh SP3 bahawa secara lazimnya penunggang motorsikal akan menunggang pada bahagian kiri jalan.
- [27] Walaupun tidak terdapat kesan (kesan brek/gurisan tayar), sisa kemalangan (pecahan komponen dan sebagainya) atau lain-lain yang boleh memberi indikasi kepada SP1 dalam siasatannya,



Mahkamah boleh melihat daripada tempat dan lokasi Plaintiff sendiri terbaring atas jalan raya sejurus selepas kemalangan.

[28] Penerangan SD1 bahawa Plaintiff bukan terus jatuh ditempat bergeser tetapi jatuh dihadapan sedikit iaitu ditempat Plaintiff terbaring. Ini bermakna kemalangan berlaku sebelum itu dan kawasan sebelum Plaintiff terbaring adalah betul-betul di mulut simpang kawasan U-turn. Dalam masa yang sama, Plaintiff tidak pernah menafikan itu (kedudukan beliau terbaring dalam gambar) adalah tempat asal beliau jatuh sejurus selepas kemalangan.

[29] Mahkamah dapati fakta ini juga konsisten dengan keterangan bahawa Defendan gagal membrek kerana Plaintiff secara tiba-tiba keluar dan bergesel dengan motorkar Defendan. Kedua-dua kenderaan tidak terus berhenti ditempat bergesel dan kedua-duanya bergerak kehadapan sedikit dan disitulah Plaintiff terbaring. Ini bermakna tandaan "X" oleh Plaintiff konsisten dengan keterangan SD1 bahawa itu tempat Plaintiff jatuh sebenarnya dan impak atau pergeseran berlaku sebelum "X".

[30] Versi Plaintiff pula adalah seperti direka-reka. Motorsikal dikatakan total lost "...Sebab dilanggar dari belakang, motorsikal pergi jauh (tersasar jauh ke depan)". Sebaliknya jika dibandingkan dengan gambar, motorsikal tidak nampak jelas kerosakan dan motorsikal



ada ditempat Plaintiff jatuh. Plaintiff membuat laporan polis bahawa motorsikal “total lost” padahal jika benar, kerosakan komponen-komponen jika dinyatakan dalam laporan polis mungkin tidak dapat menyokong versi Plaintiff sendiri.

[31] Satu lagi jika dilihat, kotak Food Panda pada motorsikal Plaintiff masih dalam keadaan elok dan baik (intact) walaupun dikatakan telah terjatuh, terseret dan “total lost”. Ia adalah sesuatu yang tidak munasabah. Jika motorsikal “total lost” mesti ada sedikit sebanyak serpihan komponen atas jalanraya yang dapat dilihat dalam gambar yang dikemukakan.

[32] Kes diputuskan sebagai RTM oleh SP1 bukan sahaja kerana beliau tidak dapat memeriksa secara fizikal kerosakan kenderaan terlibat, SP1 juga tidak dapat sahkan arah perjalanan kedua-dua pihak. Jika benar Plaintiff dalam keadaan perjalanan terus dari bawah ke atas, keputusan kes mungkin akan berbeza atau SP1 dapat mencapai satu keputusan pasti.

[33] Dalam keterangan SP1 selaku pegawai Penyiasat kes, beliau dapat bersetuju dengan cadangan bahawa versi Defendan lebih berkemungkinan dengan mengambilkira kesan kerosakan di bahagian pintu motorkar Defendan dan SP1 bersetuju bahawa versi



Plaintif beliau dilanggar dari belakang tidak konsisten dengan kesan kerosakan hentakan dibahagian pintu motorkar Defendan.

[34] Versi Plaintif yang memplidkan motorkar Defendan melanggar beliau dari arah belakang adalah tidak disokong oleh mana-mana bukti dan keterangan. Bahkan lebih ketara, motorsikal Plaintif sendiri langsung tidak ada kerosakan di bahagian belakang.

[35] Begitu juga motorkar Defendan, kerosakan dibahagian hadapan adalah akibat pergeseran dari pintu pemandu membawa ke hadapan. Plaintif tidak dapat menjelaskan bagaimana motorkar Defendan boleh rosak di bahagian pintu hadapan pemandu. Ini adalah bahagian kritikal untuk Plaintif perelaskan. Plaintif dan Defendan tidak pernah menafikan kerosakan tersebut adalah berpunca daripada kemalangan ini.

[36] Banyak percanggahan dalam keterangan Plaintif sendiri. Mahkamah dapati sebenarnya dalam kes ini, Plaintif telah cuai untuk lebih berhati-hati dan memberi pertimbangan kepada kenderaan lain yang sedang bergerak lurus di jalan utama. Jika Plaintif tidak secara tiba-tiba dan melulu dalam pemanduannya, kemalangan ini tidak akan berlaku.

[37] Mahkamah merujuk kes ***KEK KEE LENG V TERESA BONG NGUK*** [1978] 1 MLJ 61 yang memutuskan:



“When coming out from a side road onto a main road, the 2nd Defendant should select such a moment as would allow him to enter the main road with safety.”

[38] SD1 mengakui kelajuan beliau adalah antara 50kmj – 60kmj. Pada dapatan Mahkamah, itu adalah kelajuan normal di jalan utama. Jika sekalipun (secara alternatif) Plaintiff sedang menunggang di jalan tersebut dari arah yang sama dengan Defendan, adalah mustahil Defendan tanpa apa-apa sebab dan dengan kelajuan 50kmj-60kmj akan melanggar belakang motorsikal Plaintiff yang juga sedang meneruskan perjalanan.

[39] Kenapa Mahkamah ini tidak memutuskan liabiliti 50/50 sedangkan SP1 telah RTM kes dan dari keterangan terdapat 2 versi yang bercanggah? Dalam hal ini, walaupun dikatakan terdapat keputusan RTM dan 2 versi bercanggah, terdapat keterangan senyap dan bukti lain yang boleh Mahkamah ini rumuskan bahawa terdapat satu versi yang lebih munasabah (inherently probable).

[40] Mahkamah merujuk kes ***RANI A/P VARATHARAJOO V CHOONG KOK WAI [2002] 7 MLJ 721*** di mana Mahkamah memutuskan:

“Dalam mana-mana keadaan sekalipun keterangan yang jelas (yang tidak dipertikaikan) ialah motorsikal Defendan (SD1) telah keluar simpang dan memasuki jalan utama dalam keadaan tidak



selamat (iaitu dua hingga tiga kaki daripada motorsikal Plaintiff) tanpa memberi laluan yang selamat kepada Plaintiff sebagai pengguna sah di jalan utama pada masa itu...Mahkamah ini memutuskan bahawa keputusan hakim Mahkamah Sesyen yang menetapkan liabiliti berdasarkan 50/50 antara Plaintiff dan Defendan dipinda menjadi liabiliti berdasarkan 100% ke atas Defendan sepenuhnya...”

- [42] Mahkamah kemudian merujuk kepada kes ***ELIA SULIATI MOHD ISA & SATU LAGI LWN. SALENORDIN NAN & SATU LAGI*** [2018] **1 LNS 1952** yang mana Mahkamah memutuskan seperti berikut:

“[18] Mahkamah ini seterusnya telah meneliti keputusan-keputusan dalam kes Lee Yew Hoe v. Lee Bock Huat [1980] 1 LNS 42; [1980] 2 MLJ 271; Mohd Zin Abdullah v. Aznizal Rajari [2001] 1 CLJ 672 dan Kamaruddin Mohd Nor & Anor v. Soon Soo Moe & Anor [1998] 4 CLJ Supp 301 yang dititip dalam hujahan bertulis Peguam Perayu yang kesemuanya memutuskan bahawa pihak yang didapati secara positif melakukan pusingan "U" secara tiba-tiba lalu mengakibatkan kemalangan jalan raya adalah ditetapkan bertanggung jawab pada kadar liabiliti 100%.

[22] Prinsip yang diputuskan dalam ketiga-tiga kes tersebut adalah jelas dan konsisten, iaitu seseorang pemandu akan diletakkan



bertanggungjawab pada kadar 100% dalam sesuatu kemalangan jika keadaan-keadaan berikut dipenuhi-

- (i) Terdapat bukti dan keterangan jelas menunjukkan pemandu tersebut bertindak melulu dan mengambil tindakan masuk ke jalan tanpa memastikan keselamatan kepada pengguna jalan raya lain;
- (ii) Jikapun pemandu itu memberi lampu isyarat untuk membelok, tindakan itu sahaja tidak mencukupi jika lampu isyarat diberikan terlalu hampir sebelum pemandu itu membelok;
- (iii) Tindakan pemandu tersebut jelas menunjukkan dia memasuki jalan, membelok, membuat pusingan "U" atau seumpamanya secara tiba-tiba tanpa mewujudkan suatu peluang atau keadaan munasabah untuk pemandu di belakangnya untuk mengelak.

[43] Untuk kesempurnaan, Mahkamah merujuk hujahan pihak Plaintiff di mana Plaintiff berhujah bahawa daripada keterangan yang ada di Mahkamah ini, adalah jelas bahawa Defendan Pertama telah dengan tiba-tiba tanpa sebarang amaran atau isyarat melanggar motorsikal Plaintiff dan Plaintiff dari arah belakang dan menyebabkan kemalangan berlaku.

[44] Bagi hujahan ini, Mahkamah sekali lagi menegaskan bahawa SP3 satu sendiri setuju bahawa jika benar motorkar Defendan datang



dari arah belakang, beliau tidak dapat tahu kelajuan motorkar tersebut. Dalam masa yang sama, Mahkamah berpendapat Defendan tidak ada sebab untuk memberikan isyarat atau amaran kepada motorsikal Plaintiff dalam keadaan Defendan sedang bergerak terus dilaluan sah beliau. Keadaan cemas hanya berlaku jika sekiranya terdapat perkara yang tidak dijangka atau tindakan secara tiba-tiba dan dalam kes ini, tindakan Plaintiff adalah satu tindakan melulu dan secara tiba-tiba.

[45] Secara kesimpulannya, Mahkamah membuat dapatan bahawa pihak Plaintiff telah gagal membuktikan apa yang dihidkan dan tuntutan di Mahkamah ini. Kecuaian adalah sepenuhnya di pihak Plaintiff. Oleh itu, Mahkamah menolak tuntutan Plaintiff dengan kos.

B - KUANTUM

Secara alternatif, jika tuntutan Plaintiff dibenarkan, atas dasar 100%, Defendan-Defendan hendaklah membayar kepada Plaintiff kuantum bagi gantirugi seperti berikut:



GANTIRUGI KHAS

BIL	PERKARA	JUMLAH DIBENARKAN /DITOLAK
1	Item a - Kos laporan perubatan dari KPJ Puteri Specialist Hospital	RM660.00
2	Item b - Kos laporan JPJ - dibenarkan di bawah kos tindakan Item c – kos dokumen polis – resit tidak dikemukakan – ditolak	
3	Item d - Perbelanjaan Plaintiff ke Hospital untuk rawatan – dibenarkan	RM1,000.00
4	Item e – ditarik balik	
5	Item f – kos rawatan ualangan Plaintiff & item g – kos perubatan Plaintiff di hospital Dibenarkan 1/3 = RM23,396.73.	RM23,396.73
6	Item h – kos makanan dan minuman berkhasiat	DITOLAK
7	Item i – kerosakan pakaian, kasut dan jam tangan	RM100.00
8	Item j – kos laporan perubatan pakar - DIPERSETUJUI DI BAWAH KOS	RM1,360.00
9	Item k, l, n, o, p, q, r, s & t – ditarik balik	



10	Item m – kos rawatan dan pembedahan masa hadapan i) pembedahan masa hadapan a- Bone grafting – ditolak b- Revision open reduction and internal fixation - ditolak c- ACL Reconstruction – dibenarkan 1/3 x RM25,000.00 = RM8,333.00 d- MRI an Arthroscopic Examination of the left knee with possible meniscus repair/debridement or chondroplasty – dibenarkan 1/3 x RM21,000.00 = RM7,000.00 e- Removal of implant - ditolak ii) Pain and suffering – RM5,000.00 iii) Kos fisioterapi – dibenarkan RM3,840.00	RM24,173.00 TANPA FAEDAH
	JUMLAH	RM50,689.73



GANTIRUGI AM

BIL	PERKARA	JUMLAH DIBENARKAN /DITOLAK
1	Fracture of the left humerus	RM20,000.00
2	Abrasion over right left wrist and right elbow	RM4,000.00
3	Left knee contusion with an anterior cruciate ligament (ACL) tear	RM30,000.00
4	Muscle wasting	RM5,000.00
5	Scars	RM4,000.00
6	Bone grafting	RM20,000.00
7	Osteoarthritis	RM5,000.00
	JUMLAH	RM88,000.00

C – faedah

1. faedah atas gantirugi khas ialah 2.5% setahun dari tarikh kemalangan ke tarikh penghakiman
2. faedah ke atas gantirugi am ialah 5% setahun dari tarikh penyampaian writ saman hingga penghakiman



3. faedah ke atas jumlah penghakiman ialah 5% setahun dari tarikh penghakiman sehingga pembayaran jumlah penuh penghakiman.

D – kos seperti dalam skala

Jumlah penghakiman dimasukkan ke dalam akaun klien peguamcara Plaintiff sebagai pemegang amanah untuk di bayar kepada Plaintiff.

Sekian untuk pertimbangan YAH.

Disediakan oleh,

SAZLINA SAFIE

.....

SAZLINA BINTI SAFIE
KETUA PUSAT MEDIASI @
HAKIM MAHKAMAH SESYEN 4
JOHOR BAHRU
TARIKH : 7/4/2023.



PEGUAMCARA PLAINTIF:

Pn Nur Hidayah Bt Mohd Shariff.

TETUAN KULDIP & CO.

PEGUAMCARA DEFENDAN:

En. Arul Alxender Rayan.

TETUAN LOVELACE & HASTINGS.



S/N 2gqYbkg87EyRbA42m4IxKg

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal